

# Dua beradik ditahan kes tipu lebih RM3.29j

Suspek perdaya mangsa dengan tawar pelbagai produk, khidmat di internet sejak 2005

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Polis menahan dua beradik yang disyaki menjadi dalang penipuan penjualan lampin pakai buang dan jongkong emas membabitkan kerugian melebihi RM3.29 juta di seluruh negara, kejayaan terbesar Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Melaka.

Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd Ali, berkata

lelaki dan adik perempuannya yang berusia awal 30-an itu ditahan ketika bercuti di sebuah inap desa mewah dekat Ayer Keroh Ahad lalu dan polis turut merampas tiga telefon bimbit serta kad keahlian parti politik tertera nama suspek dengan gelaran 'Datuk' yang dipercayai palsu.

Katanya, dua beradik itu disyaki mendalangi penipuan di seluruh negara sejak 2005 menggunakan pelbagai modus operandi dan terbabit dalam 75 kes setakat 2017 dengan kerugian berjumlah RM3,298,135.

"Dua daripada 75 kes itu berlaku di Melaka pada Jun 2016 apabila dua mangsa berusia 30-an ditipu dalam urusan membekalkan lampin pakai buang kepada ejen jualan membabitkan keseluruhan kerugian RM850,886.

"Kita dapati pelbagai modus operandi mereka gunakan untuk menipu, iaitu dalam urusan pembelian kereta, komputer riba tidak wujud, sewaan kereta, pakej telefon bimbit, pakej pelancongan,

jongkong emas dan set aksesori motosikal.

"Perancang utama penipuan adalah suspek lelaki, manakala adik perempuannya berperanan sebagai pemilik akaun bank yang digunakan untuk tujuan pemindahan wang daripada mangsa," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, semalam.

Abdul Majid berkata, berdasarkan laporan yang dibuat di Ayer Keroh, seorang penjawat awam wanita membuat pembelian lampin pakai buang pada Mei 2016 yang ditawarkan melalui akaun Facebook 'Izzy Elledee' kerana tertarik harganya lebih rendah daripada pasaran.

"Pengadu membayar RM12,886 melalui akaun diberikan suspek, namun hampa apabila lampin pakai buang itu tidak diterima dalam tempoh tujuh hari dan membuat laporan polis pada 27 Jun 2016.

"Selain tawaran pakej harga murah daripada pasaran, suspek



Abdul Majid (tengah) menunjukkan hasil rampasan wang tunai pada sidang media tangkapan suspek kes tipu lebih RM3.29 juta di IPK Melaka, Ayer Keroh, semalam.  
(Foto Syafeeq Ahmad/BH)

bijak meyakinkan mangsa dengan hanya memenuhi pesanan produk seperti lampin pakai buang pada peringkat awal sahaja.

"Apabila tempahan semakin banyak, pelbagai alasan diberi sebelum suspek menghilangkan diri dan melakukan aktiviti penipuan produk atau perkhidmatan lain pula di negeri lain," katanya menambah, kedua-dua suspek yang tidak bekerja, licik menipu dengan mengiklankan tawaran menarik produk menerusi Facebook hingga memperdaya mangsa.

Beliau berkata, suspek lelaki direman empat hari hingga hari ini, manakala adik perempuannya diberi jaminan polis selama sebulan dengan kes disiasat mengikut Seksyen 420, Kanun

Keseksaan, termasuk bagi mengenal pasti pembabit suspek utama dalam kes-kes penipuan lain.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Majid menjelaskan kes pembelian barang tidak wujud di negeri ini menunjukkan penurunan, manakala kes tawaran kerja tidak wujud meningkat mendadak.

"Kita tidak dapat pastikan kaitannya dengan COVID-19 (apabila ramai orang kehilangan kerja) tetapi daripada kajian, kita dapati kes tawaran kerja tidak wujud meningkat mendadak sebanyak 8.5 peratus di Melaka. Saya nasihatkan orang ramai sentiasa berhubung dengan polis jika ada keraguan dan pegawai di JSJK sentiasa sedia membantu," katanya.